

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 24 Mei 2016**

**SOALAN :**

**Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan langkah-langkah serta usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menangani masalah ketidakstabilan harga produk komoditi utama di negara kita.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman komoditi utama negara, iaitu getah asli dan minyak sawit adalah berorientasikan eksport dan harganya bergantung kepada penawaran dan permintaan. Selain itu, stok dunia kedua-dua komoditi ini mempunyai implikasi terhadap harganya. Walau bagaimanapun, pada masa ini harga minyak sawit (*Crude Palm Oil* - CPO) dan getah asli telah menunjukkan peningkatan.

Harga CPO telah meningkat daripada RM2,203.50 se tan pada 4 Januari 2016 kepada RM2,595.00 se tan pada 20 Mei 2016 dan ianya dijangka akan terus kukuh pada tahun 2016. Bagi getah, harga purata bulanan SMR20 telah meningkat dari RM4.66 sekilogram pada bulan Januari 2016 kepada RM5.72 sekilogram pada bulan April 2016.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan meneruskan usaha-usaha ke arah penstabilan harga minyak sawit dalam jangka masa panjang. Ini termasuk:

- i. Meningkatkan adunan di bawah Program Biobahan Api dari Program B7 (adunan 7% biodiesel sawit dan 93% diesel petroleum) ke B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) dan pelaksanaan program dijangka mulai pertengahan tahun 2016;
- ii. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berasaskan sawit seperti farmaseutikal dan nutraseutikal untuk dikomersilkan oleh pihak industri;
- iii. Memperuntukkan RM100 juta bagi pelaksanaan Skim Insentif Tanam Semula (SITS) yang bermula pada bulan Oktober yang lalu. Pelaksanaan SITS antara lain bertujuan mengurangkan pengeluaran yang akan

membantu penurunan stok CPO dan seterusnya menstabilkan harga minyak sawit.

- iv. Memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru termasuk negara-negara Asia Tengah, Eropah Timur dan Afrika melalui misi promosi dan teknikal ke luar negara. Dalam hal ini, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menganjurkan pelbagai program seperti *Palm Oil Trade Fair and Seminar (POTS)*, *Techno Economic Seminar*, *Buyer and Seller Programme*, *Programme for Rebuilding and Improving Malaysia's Export (PRIME)* *Customers Appreciation and Recognition Scheme (CARES)* dan *Palm Oil Trade Awareness Programme (POTAP)*;
- v. Mengolah strategi pemasaran baru untuk memantapkan lagi eksport sawit ke luar negara dengan kaedah bukan konvensional. Perkara ini sedang dibincangkan di peringkat Majlis Eksport Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan
- vi. Mengurangkan atau menghapuskan halangan tarif dan bukan-tarif yang dikenakan ke atas minyak sawit melalui rundingan-rundingan antarabangsa seperti *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)*, *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* dan *Malaysia-European Free Trade Area Economic Partnership Agreement (MEEPA)* supaya dapat terus berdaya saing di pasaran dunia.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia bersama-sama Indonesia telah memeteraikan piagam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries Council (CPOPC)* pada 21 November 2015. CPOPC ditubuhkan sebagai platform untuk negara-negara pengeluar sawit bekerjasama membangunkan industri sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi komoditi getah, antara langkah-langkah penstabilan harga getah asli termasuk:

- i. Menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah;
- ii. Meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menghasilkan dan mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan getah asli. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM7.28 juta telah disediakan untuk Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi membiayai aktiviti-aktiviti R&D;
- iii. Menyediakan *standard* berkenaan import bahan mentah bagi menjamin spesifikasi bahan getah mentah yang diimport dan kualiti SMR yang dihasilkan; dan
- iv. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks dengan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Ini adalah memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli utama dunia bagi memperkukuhkan harga. Ini termasuk, bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang mana syer pengeluaran ketiga-tiga negara ini pada tahun 2015 adalah 68.2% daripada pengeluaran getah asli dunia.

Salah satu langkah yang sedang diambil oleh negara-negara ITRC, ialah melaksanakan AETS ke-4 dengan izin '*Agreed Export Tonnage Scheme*' pada tahun 2016 sebagai langkah untuk mengelakkan kejatuhan harga getah asli yang berterusan. Pelaksanaan AETS ke-4 ini berkuat kuasa dari 1 Mac hingga 31 Ogos 2016 melibatkan pengurangan eksport oleh ketiga-tiga negara sebanyak 615,000 tan dalam tempoh tersebut. Pelaksanaan AETS mulai 1 Mac 2016 telah menyaksikan peningkatan harga SMR20 dari RM4.26 sekilogram pada 11 Februari 2016 kepada RM5.15 sekilogram pada 20 Mei 2016.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 60 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24 MEI 2016  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kaedah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (My Home) yang dilancarkan oleh Kerajaan dan berapakah jumlah terkini projek Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (My Home) di kawasan Parlimen Kulim Bandar Baru sama ada telah dibina, dalam proses pembinaan mahupun akan dibina.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) menawarkan insentif sebanyak RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli rumah yang berkelayakan berpendapatan isi rumah di antara RM3,000 hingga RM6,000 sebulan. Pembayaran insentif RM30,000 ini adalah termasuk bayaran deposit sebanyak 10% kepada pembeli apabila Surat Perjanjian Jual Beli ditandatangani. Pada masa ini, Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi pembinaan 10,000 unit rumah Skim *MyHome* di seluruh Negara.

Sehingga 10 Mei 2016, pihak Kementerian telah memberi kelulusan kepada 39 pemaju bagi 41 projek Skim *MyHome* yang merangkumi sebanyak 9,571 unit rumah di seluruh negara. Bagi Negeri Kedah, jumlah projek Skim *MyHome* yang diluluskan adalah sebanyak 7 projek melibatkan 1,183 unit rumah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 94 unit *MyHome* telah diluluskan pembinaannya di kawasan Parlimen Kulim Bandar Baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIFADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Datuk Mohd Idris bin Jusri [ Batu Pahat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa-apa perubahan terhadap pembaikan proses pilihan raya akan dilakukan, seperti kewajipan untuk mengundi serta pendaftaran pengundi secara automatik.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang melainkan pindaan dibuat pada peruntukan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**TARIKH : 24 MEI 2016**  
**RUJUKAN : 9037**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditahan pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Bagaimana mereka ini diuruskan selepas ditahan, dan bagaimana pula memastikan mereka dapat dikesan jika masuk semula ke Malaysia secara haram selepas diuruskan pemulangan ke negara asal mereka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, melalui operasi yang dijalankan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan secara berterusan, seramai 146,421 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah berjaya ditangkap dari tahun 2013 sehingga 2015 kerana melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63.**

**PATI yang ditangkap akan ditahan atau didakwa. Seramai 248,150 orang PATI telah di tahan di Depot Tahanan seluruh Malaysia bagi tahun 2013 sehingga 2015.**

**PATI yang di tahan akan diusir keluar dan kos ditanggung oleh pekerja, majikan atau kedutaan. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran pulang PATI. Seramai 183,613 orang PATI telah diusir keluar ke negara asal mereka dari tahun 2013 sehingga 2015 dan mereka telah disenaraihitamkan.**

**Mereka yang cuba masuk melalui pintu masuk yang diwartakan akan ditolak kemasukan ke Negara ini.**

**NO. SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9149**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah anak dan bayi luar nikah yang telah dilahirkan oleh ibu-ibu dibawah umur 18 tahun daripada tahun 2013 hingga kini. Berapa ramai pula jumlah pembuangan bayi yang telah dilapor daripada tahun 2013 hingga kini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab untuk mendaftarkan setiap kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

**Dalam hal ini, daripada tahun 2013 sehingga Mac 2016, Jabatan Pendaftaran Negara telah merekodkan sebanyak 19,230 orang anak tak sah taraf yang dilahirkan oleh ibu kandung yang berusia di bawah umur 18 tahun.**

**Dalam tempoh yang sama, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merekodkan sebanyak 326 kes pembuangan bayi.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]  
TARIKH : 24 MEI 2016  
SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) nisbah doktor pelatih *houseman* kepada pesakit pada masa sekarang jika berbanding dengan 20 tahun yang lalu; dan
- b) adakah masalah kualiti latihan '*housemanship*' yang semakin rendah ini telah menjadi satu isu yang diresahkan dan bagaimanakah caranya untuk mempertingkatkan mutu latihan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, nisbah bagi doktor pelatih atau Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dan katil pesakit adalah satu (1) PPS kepada empat (4) buah katil. Pada 20 tahun lalu, nisbah PPS adalah tidak sama kerana hanya ada tiga (3) buah universiti dalam negara yang melahirkan graduan perubatan di samping bilangan Hospital Latihan Siswazah yang sedikit. Walaupun nisbah ini tidak sama, namun sebenarnya

pendedahan kepada pesakit secara keseluruhan adalah meningkat kerana melaksanakan sistem bekerja fleksi, penambahan bilangan hospital, penambahan bilangan pakar, penambahan bilangan pesakit serta pendedahan di klinik pakar, unit rawatan harian, dewan bedah dan lain-lain.

Pada amnya, kualiti '*housemanship*' di kalangan PPS adalah baik. Ini adalah kerana, berdasarkan kajian daripada pihak Institut Pengurusan Kesihatan menunjukkan 70 peratus PPS berjaya melengkapkan latihan siswazah dalam masa dua (2) tahun. Selebihnya iaitu sebanyak 30 peratus lagi memerlukan masa lebih dua (2) tahun bukan semata-mata atas sebab kompetensi namun atas pelbagai sebab antaranya kerana pengambilan cuti yang panjang seperti cuti sakit, cuti bersalin, lewat menyiapkan buku log, ketidakhadiran tanpa cuti yang berkelulusan dan sebagainya.

Bagi meningkatkan lagi kompetensi dan memantapkan latihan PPS, beberapa tindakan telah diambil oleh KKM antaranya:

- 1) Tempoh kursus induksi telah dipanjangkan dari satu (1) minggu ke dua (2) minggu, bagi membantu doktor pelatih memahami kerja mereka di mana minggu pertama meliputi aspek-aspek am kerajaan, pengurusan cuti dan tatacara kehadiran, manakala pada minggu kedua pula adalah sesi modul latihan klinikal;
- 2) Tempoh latihan siswazah dipanjangkan daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun mulai 2008;
- 3) Bilangan disiplin dalam latihan siswazah telah dipertingkatkan daripada tiga (3) posting kepada enam (6) posting yang boleh dipilih daripada sembilan (9) posting; dan

- 4) Buku log bagi PPS telah dikemaskini bagi meningkatkan kualiti latihan PPS dan peranan pakar penyelia dalam membimbing PPS telah ditingkatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 58**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kemajuan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai pembangunan "rubber city" di Kedah sejak pengumumannya dalam Pilihan Raya Umum 2013.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pengumuman projek Kedah Rubber City (KRC) dalam Pilihan Raya Umum 2013, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil **langkah-langkah** berikut bagi merealisasikan KRC :

1. Pada 2013, pihak Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Kerajaan Negeri Kedah telah membentangkan kertas cadangan pembangunan KRC kepada Majlis Ekonomi dan kelulusan secara prinsip diperolehi untuk melaksanakan KRC di Durian Burung, Kedah.
2. Bagaimanapun, setelah diteliti dengan mendalam, Majlis Ekonomi pada awal tahun 2014 telah bersetuju supaya tapak projek KRC dipindahkan dari Durian Burung ke Ladang Bukit Ketapang di Daerah Padang Terap berdasarkan dua sebab berikut :
  - (i) Topografi tanah yang berbukit-bukau di Durian Burung memerlukan kos yang sangat tinggi untuk kerja meratakan tanah, dan
  - (ii) Lokasi KRC di Ladang Bukit Ketapang dijangka menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan berbanding

cadangan lokasi KRC di Durian Burung yang menawarkan pekerjaan kepada warga Thailand.

3. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), peruntukan bagi *Rolling Plan* 1 berjumlah RM417 juta diluluskan untuk KRC. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai kos pengambilan tanah seluas 1,500 ekar, kos rekabentuk terperinci dan kerja-kerja awalan serta kos penyediaan infrastruktur dan utiliti bagi Fasa 1 KRC seluas 500 ekar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **kemajuan dan status terkini** KRC adalah seperti berikut :

- (i) Kerja ukur tanah yang dimulakan pada 3 Januari 2016 telahpun siap pada 31 Mac 2016,
- (ii) Urusan pengambilan tanah dijangka selesai pada akhir 2016,
- (iii) Pelan Induk KRC sedang disediakan oleh NCIA dan dijangka siap pada awal 2017, dan
- (iv) Kerja pembinaan infrastruktur dan utiliti Fasa 1 dijangka bermula pada awal 2017.

Kementerian Kewangan juga telah meluluskan Pakej Insentif Cukai Khas untuk tempoh 10 tahun bagi menarik pelaburan swasta ke KRC. Pakej insentif khas ini dijangka dapat menarik pelabur tempatan dan asing membeli lot perindustrian bagi mendirikan kilang di KRC.

Pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan NCIA kini giat menjalankan usaha bagi menarik pelaburan yang berkualiti ke KRC.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[KOTA SAMARAHAN]**  
**TARIKH** : **24 MEI 2016 [SELASA]**  
**SOALAN** : **66**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan unjuran fenomena ekuinoks yang bakal melanda negara serta langkah jangka panjang persediaan orang ramai menghadapinya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Ekuinoks adalah suatu kejadian astronomi yang berlaku dua kali dalam setahun apabila kedudukan matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa. Ekuinoks biasanya berlaku pada 20 atau 21 Mac dan 22 atau 23 September setiap tahun. Pada tahun ini ekuinoks telah berlaku pada 20 Mac 2016 dan akan berlaku sekali lagi pada 22 September 2016.

Fenomena ekuinoks ini tidak membawa kesan yang ketara kepada cuaca di Malaysia. Kejadian ekuinoks berbeza dengan fenomena El Niño yang mampu menyebabkan keadaan cuaca panas dan kering luar biasa seperti yang dialami oleh negara pada bulan Mac dan April pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.